



**Veerapan menunjukkan keadaan Sungai Anak Air Garam yang bertukar hitam dan berbau akibat sisa buangan dipecayai bahan kimia di Taman Desa Rasah. (Foto Hasriyasyah Sabudin/BH)**

Berita HARJAN

# Bahan kimia (11/12/2019) dibuang ke sungai M/s 48

# Dua tangki sisa minyak ditemui pada operasi pembersihan

Oleh Raja Noraina  
Raja Rahim  
bhnews@bh.com.my

**Seremban:** Dua tangki sisa minyak dan bahan kimia yang dibuang di Sungai Anak Air Garam dekat Mambau di sini dikumpulkan dalam operasi pembersihan, semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, S Veerapan, berkata bahan buangan yang dikumpulkan pada hari pertama yang bermula pagi semalam sehingga jam 5 petang, selepas menerima aduan kelmarin.

Katanya, operasi dilakukan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan (JASNS), Badan Kawal Selia Air Negeri Sembilan (BKSA) dan Kualiti Alam.

“Kerajaan negeri mengadakan mesyuarat tergempar pagi tadi (semalam) dan mengarahkan agensi

tertabit melakukan pembersihan bagi mengelak bahan buangan mengalir ke Sungai Mambau serta Sungai Linggi yang boleh memburukkan keadaan.

“Kami sudah membuat halangan bagi mengawal dan mengelak air mengalir masuk ke Sungai Linggi. Kami juga meminta pihak Kualiti Alam menyedut bahan buangan berkenaan.

“Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) turut melakukan pemberhentian segera operasi di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Linggi akibat pencemaran itu.

“Berlaku sedikit gangguan bekalan air, namun SAINS akan menghantar



**Kami sudah  
membuat  
halangan bagi  
mengawal dan  
mengelak air  
mengalir masuk  
ke Sungai Linggi.**

**S Veerapan,  
Pengerusi Jawatankuasa  
Kesihatan, Alam Sekitar,  
Koperasi dan  
Kepenggunaan Negeri  
Sembilan**

terbaki air ke kawasan terjejas,” katanya kepada pemberita selepas melakukan tinjauan di lokasi kejadian di sini, semalam.

JASNS menerima aduan daripada penduduk pada jam 9.55 pagi kelmarin dan pemeriksaan mendapati pencemaran bermula daripada sisa yang dibuang di longkang awam Taman Desa Rasah, semalam seterusnya memasuki Sungai Anak Air Garam menyebabkan ia bertukar hitam dan berbau.

Senario di lokasi memperlihatkan beberapa ikan mati, selain bau seakan minyak hitam.

Mengulas lanjut, Veerapan berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan bahan buangan itu sengaja dibuang ke sungai berkenaan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Justeru, beliau mengarahkan JASNS menjalankan siasatan lanjut bagi mengenal pasti bahan buangan berkenaan seterusnya mengesan pelaku.

“Saya memandang serius insiden ini kerana sungai ini bersambung dengan Sungai Linggi yang menjadi salah satu punca air di negeri ini,” katanya kes diasas mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.